

**SOKA**  
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:  
WIS07-G9T

9H7M

# TURKIYE TULIP G9

*Istanbul - Ankara - Cappadocia - Konya - Pamukkale - Bursa - Istanbul*



**HAGIA SOFIA ADALAH SEBUAH GEREJA  
SEBELUM DITUKAR MENJADI MASJID,  
MUZIUM DAN KINI ADALAH MASJID SEMULA.**

# TOUR HIGHLIGHTS



1

## EMIRGAN PARK

TAMAN INI YANG JUGA TERDAPAT 2 BUAH KOLAM BESAR AKAN DIPENUHI DENGAN JUTAAN BUNGA TULIP PELBAGAI WARNA. SEMEMANGNYA TAMAN INI MENJADI TEMPAT KESUKAAN RAMAI UNTUK BERGAMBAR.



2

## UNDERGROUND CITY:

MERASAI PENGALAMAN UNIK MASUK KE KOTA BAWAH TANAH DI MANA PERNAH SATU KETIKA 15,000 ORANG TINGGAL DI DALAM KOTA BAWAH TANAH INI BAGI MENGELAK SERANGAN MUSUH.



3

## COTTON CASTLE:

TERES-TERES KOLAM AIR PANAS YANG BERWARNA PUTIH SEAKAN KAPAS TERBENTUK SECARA SEMULAJADI DI LERENG GUNUNG INI DAN PESERTA BOLEH BERENDAM KAKI DI DALAM KOLAM AIR PANAS INI.



4

## HAGIA SOFIA GRAND MOSQUE:

MERUPAKAN SEBUAH GEREJA PADA KURUN KE-5 SEBELUM DITUKAR MENJADI MASJID SELEPAS PENAKLUKAN CONSTANTINOPEL. MENJADI MUZIUM SEMASA ZAMAN ATATURK DAN KINI DITUKAR MENJADI MASJID SEMULA.



**Musim Panas:**  
Mei - September



**Musim Sejuk:**  
Disember - Mac



**Musim Luruh:**  
Okt - November



**Musim Bunga:**  
April



**Turkish Lira:**  
TRY 1



**Ringgit Malaysia:**  
MYR 0.15



**PERBEZAAN WAKTU**

**Turkiye:**  
GMT+5



Hotel Penginapan

4\* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Istanbul	Days Hotel by Wyndham	1 Mlm
Cappadocia	Kral S Hotel	2 Mlm
Pamukkale	Villa Lycus Hotel	1 Mlm
Bursa	Kervansaray Bursa City	1 Mlm
Istanbul	Days Hotel by Wyndham	2 Mlm

Jadual Penerbangan

AirArabia

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	G9 803	KUL - SHJ	0315	0630
1	G9 321	SHJ - IST	0930	1320
8	G9 322	IST - SHJ	1410	1930
8	G9 800	SHJ - KUL	2140	0910

## Harga Pakej Termasuk

1. Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
2. Penginapan hotel 7 malam bertaraf 4\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
3. Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
4. Tiket masuk ke tempat lawatan: Underground City dan Ancient Hierapolis City.
5. Pengangkutan bot persiaran persendirian Bosphorus Cruise Tour.
6. Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
7. Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
8. Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

## Harga Pakej Tak Termasuk

1. Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi ejen bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
2. Aktiviti/lawatan tambahan yang tidak terdapat dalam aturcara program.
  - Topkapi Palace Museum (Istanbul): USD60 seorang
  - Hot Air Balloon (Cappadocia): USD350 seorang
  - Jeep Safari (Cappadocia): USD90 seorang
  - Whirling Dervish Performance: USD50 seorang
  - Cultural Dance Performance: USD55 seorang
  - Paragliding Tour: USD180
3. Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
4. Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
5. Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
6. Bayaran tambahan lebih had bagasi penerbangan.
7. Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

9H7M

# TURKIYE G9

Istanbul – Ankara – Cappadocia – Konya – Pamukkale – Bursa – Istanbul

**SOKA**  
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:  
WISO7-G9T

## HARI 01 KUALA LUMPUR - ISTANBUL - ANKARA MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan terus ke Istanbul.

- Berkunjung ke **Emirgan Park** bagi melihat kecantikan musim bunga di Tulip Festival. Taman ini yang juga terdapat 2 buah kolam besar akan dipenuhi dengan jutaan bunga Tulip pelbagai warna. Sememangnya taman ini menjadi tempat kesukaan ramai untuk bergambar.

Bermalam di **Istanbul**.

## HARI 02 ANKARA - CAPPADOCIA SP/MT/MM

Lawatan di **Ankara**:

- Ataturk Mausoleum Complex**: Kompleks yang dibina untuk mempamerkan sejarah perjuangan, barangan peribadi dan pemakaman Mustafa Kemal Ataturk.
- Haci Bayram Square**: Dataran yang terkenal di Ankara di mana terletak **Haci Bayram Mosque** dan di sebelahnya peninggalan runtuh zaman Rom, **Temple of Augustus**.
- Lake Tuz**: Juga dikenali sebagai Salt Lake dan Pink Lake merupakan tasik ke-2 yang terbesar di Turki.

Bertolak ke Cappadocia dan makan malam di hotel.

Bermalam di **Cappadocia**.

## HARI 03 CAPPADOCIA SP/MT/MM

Lawatan di **Cappadocia**:

- Melawat kilang pembuatan barangan tembikar di **Avanos Pottery & Art Center** dan juga galeri pemrosesan batu permata **Turquoise & Onyx Handmade Store**.
- Melihat cara pembuatan karpet Turki secara tradisional yang diwarisi sejak ribuan tahun dahulu di **Carpet Factory**.
- Underground City**: Merasai pengalaman unik masuk ke kota bawah tanah di mana pernah satu ketika 15,000 orang tinggal di dalam kota bawah tanah ini bagi mengelak serangan musuh.
- Uchisar Castle**: Melihat keunikan rumah batu ala The Flintstones yang menjadi penempatan dan kota pertahanan penduduk di sini sejak dari kurun ke-12.
- Goreme, Pigeon dan Devrent Valleys**: Menikmati pemandangan panorama lembah gunung berbatu yang amat indah di sini dengan formasi batuan yang unik.

Bermalam di **Cappadocia**.

## HARI 04 CAPPADOCIA - KONYA - PAMUKKALE SP/MT/MM

- Ancient Caravanserai**: Dahulunya hotel bagi para saudagar yang melalui Silk Road dan berusia lebih 700 tahun.

Lawatan di **Konya**:

- Mevlana Museum**: Mempelajari sejarah perkembangan agama Islam di Turki oleh golongan sufi sunni yang terkenal dengan upacara keagamaan Whirling Dervish dan juga koleksi barangan Sultan Uthmaniyyah.

Bermalam di **Pamukkale**.

## HARI 05 PAMUKKALE - BURSA SP/MT/MM

Lawatan di **Pamukkale**:

- Ancient Hierapolis City**: Kota lama peninggalan zaman Greek sejak awal kurun ke-2 lagi. Antara bangunan yang masih lagi utuh ialah Frontinus Gate, The Great Baths, Theatre, Temple of Apollo dan Cleopatra's Pool di mana air kolam panasnya masih lagi semulajadi kekal ke hari ini.

- Cotton Castle**: Teres-teres kolam air panas yang berwarna putih seakan kapas terbentuk secara semulajadi di lereng gunung ini dan peserta boleh berendam kaki di dalam kolam air panas ini.

- Membeli-belah di **Cotton Textile Factory Outlet**.

Bermalam di **Bursa**.

## HARI 06 BURSA - ISTANBUL SP/MT/MM

Lawatan di **Bursa**:

- Membeli-belah makanan dan bahan masakan tradisi Turki di **Turkish Delight & Oil Shop**.
- Ulu Camii Mosque**: Masjid berusia lebih 600 tahun yang cukup bersejarah pada zaman Uthmaniyyah dibina pada tahun 1399.
- Koza Han**: Sebuah pasar lama yang terkenal dengan perdagangan barangan kain sutera sejak dari tahun 1491 sehingga ke hari ini.
- Tophane**: Sebuah kawasan bersejarah dengan pembuatan dan penyimpanan meriam oleh Kesultanan Uthmaniyyah.
- Spice Bazaar**: Tumpuan utama membeli pelbagai jenis rempah ratus dan makanan tradisi Turki seperti Turkish Delight sejak tahun 1660 lagi.

Bermalam di **Istanbul**.

## HARI 07 ISTANBUL SP/MT/MM

Lawatan di **Istanbul**:

- Blue Mosque**: Merupakan ikon kota Istanbul dibina pada tahun 1616 dengan 6 buah menara dan 5 kubah besar.
- Hippodrome**: Kawasan yang pernah menjadi gelanggang lumba kereta kuda pada zaman Byzantine.
- Hagia Sofia Grand Mosque**: Merupakan sebuah gereja pada kurun ke-5 sebelum ditukar menjadi masjid selepas penaklukan Constantinople. Menjadi muzium semasa zaman Ataturk dan kini ditukar menjadi masjid semula.
- Topkapi Palace (First Courtyard)**: Kawasan istana kediaman kesultanan empayar Uthmaniyyah yang menghadap Lautan Marmara siap dibina pada tahun 1465 ketika pemerintahan Sultan Muhammad Al Fatih.
- Membeli-belah barangan kulit di **Leather Shop Outlet** kerana Turki terkenal sebagai antara negara terulung dalam penghasilan kulit.
- Grand Bazaar**: Merupakan antara pasar yang terbesar dan tertua di dunia dibina bermula pada tahun 1455 lagi dengan sejumlah lebih 4,000 buah kedai.

Bermalam di **Istanbul**.

## HARI 08 ISTANBUL SP

Lawatan di **Istanbul**:

- Menaiki kapal persiaran persendirian **Bosphorus Cruise Tour** menyusuri sepanjang Selat Bosphorus dan melihat beberapa tarikan bersejarah di sepanjang tebing belah Eropah dan Asia seperti Rumelihisari yang merupakan kota pertahanan utama dibina sejak tahun 1452 ketika Sultan Al Fatih sedang menakluki Constantinople, Anadoluhisari iaitu kota pertahanan pertama di lautan ini dibina pada tahun 1393, pejabat pentadbiran Uthmaniyyah dan Turki moden Dolmabahce Palace yang dibina pada tahun 1856 oleh Sultan Uthmaniyyah yang ke 31 dan Ortakoy Mosque yang merupakan masjid yang paling terkenal di Selat Bosphorus ini dibina sejak tahun 1854.

Pulang ke Kuala Lumpur dengan menaiki penerbangan, transit di Sharjah.

## HARI 09 ISTANBUL - KUALA LUMPUR

Tiba di Kuala Lumpur.